

KENYATAAN MEDIA

13 Februari 2026



**PDRM & WCE LANCAR KEMPEN KESEDARAN DAN KESELAMATAN JALAN RAYA
SEMPENA TAHUN BAHARU CINA 2026**

*TRAFFIC DIJANGKA LONJAK 35%. SIAPSIAGAAN WCE DALAM
PENGURUSAN TRAFIK 160,000 KENDERAAN.*

TELUK INTAN, PERAK – Kempen Kesedaran dan Keselamatan Jalan Raya Sempena Sambutan Tahun Baharu Cina 2026 telah dilancarkan oleh SAC Wan Mohamad Zahari Wan Busu, Ketua Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Kontinjen Perak, di Plaza Tol Teluk Intan, Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) hari ini. Kerjasama antara Kontinjen PDRM Perak dan Lebuhraya WCE melalui kempen keselamatan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna jalan raya tentang kepentingan menitikberatkan aspek keselamatan bagi memastikan setiap perjalanan semasa musim perayaan ini selamat dan lancar untuk semua.

Majlis pelancaran ini menandakan kesiapsiagaan penuh WCE sebagai laluan alternatif utama yang menawarkan pilihan strategik kepada pengguna. Inisiatif ini secara tidak langsung membantu mengurangkan kesesakan kritikal yang lazimnya berlaku di laluan utama sedia ada, terutamanya bagi destinasi ke utara dan selatan tanah air.

Bagi sambutan tahun ini, WCE menjangkakan lonjakan trafik harian mencecah kira-kira **160,000 kenderaan**, iaitu peningkatan sebanyak **35 peratus** berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ketara ini didorong oleh cuti persekolahan sempena musim perayaan, serta jangkakan permulaan minggu pertama Ramadan yang jatuh serentak dengan sambutan Tahun Baharu Cina. Sehubungan dengan itu, WCE telah memperkemas persediaan operasi bagi memastikan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna berada pada tahap optimum.

Pengarah Urusan WCE, Lyndon Alfred Felix, menegaskan bahawa kempen tahun ini melangkaui sekadar penguatkuasaan.

"Kami melihat trend peningkatan pengguna yang ketara berbanding tahun 2025. Tahun ini, kami bukan sekadar memantau trafik, kami turut menyediakan fasiliti yang selesa kepada pengguna lebuhraya. Daripada pengecasan EV ultra-pantas hingga ke zon rehat yang lebih selamat untuk pemandu serta penunggang motosikal, matlamat kami adalah memastikan perjalanan balik kampung pengguna lancar dan selamat," kata Lyndon.

Inisiatif Utama

- **Pengecasan EV Ultra-Pantas**

WCE dilengkapi dengan kemudahan pengecas EV berkapasiti **400kW** di Plaza Tol Trong dan Taiping Selatan serta SAE dan Assam Jawa, membolehkan kenderaan EV dicas sehingga 80% dalam masa kurang daripada 15 minit.